



28 Mac 2016  
28 March 2016  
P.U. (A) 75

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA PEPEJAL ISI RUMAH) (PINDAAN) 2016

### *SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT (SCHEME FOR HOUSEHOLD SOLID WASTE AND SOLID WASTE SIMILAR TO HOUSEHOLD SOLID WASTE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007**

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM  
(SKIM BAGI SISA PEPEJAL ISI RUMAH DAN SISA PEPEJAL YANG SERUPA DENGAN SISA  
PEPEJAL ISI RUMAH) (PINDAAN) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) (Pindaan) 2016.**
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2016.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal Yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011 [P.U. (A) 307/2011], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dalam takrif “badan pengurusan harta bersama”, dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) mana-mana orang atau badan yang dilantik menurut Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757];”.

**Pindaan peraturan 14**

3. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Seseorang pemunya atau penghuni premis bertanah yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh,

apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.”.

**Pindaan Peraturan 21**

4. Peraturan 21 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (6)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan;

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah dihujung perenggan dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) membungkus dan mengikat sisa yang boleh dikitar semula itu, atau meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di dalam beg atau bejana, dan meletakkan sisa yang boleh dikitar semula itu di tempat pemungutan hanya pada hari dan masa pemungutan seperti yang dinyatakan dalam jadual pemungutan atau meletakkan sisa yang boleh dikitar semula ke dalam bekas sisa komunal untuk sisa yang boleh dikitar semula sekiranya disediakan.”;

(b) dalam subperaturan (8) dengan menggantikan perkataan “atau (6)” dengan perkataan “,(6) atau (7)”.